



# Voice of Academia

*Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah*



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

University Publication Centre (UPENA)

## **Economics, Business & Finance**

*Warranty and its Effect towards Customer Satisfaction in Malaysia's Electronic Industry*

Mohd. Rizaimy Shaharudin  
Maznah Wan Omar  
Anita Abu Hassan  
Azyyati Anuar

*Stock Market Volatility and Exchange Rate Regime in Malaysia : A Preliminary Analysis*

Noor Zahirah Mohd Sidek  
Norridzwan Abidin  
Azli Umar

*Product Quality Dimension Ranking: The Preference of National Motorcycle Brand Customers*

Anita Abu Hassan  
Mohd Rizaimy Shaharudin

*Exploring Young Consumers' Purchase Intention towards Foreign Brands*

Etty Harniza Harun  
Nor Hidayah Abdullah

*Penyesuaian Semula Repatriat untuk Kembali Bekerja di Tanah Air*

Mahazir Ismail

## **Law**

*The position of a Child Offender under the Laws of Preventive Detention in Malaysia*

Sarirah Che Ros  
Irma Kamarudin

*Surrogate Mother Makes Money by Making Baby: Do We Need a Clear Law on this?*

Irma Kamarudin  
Sarirah Che Ros

*Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah Kanak-kanak di Mahkamah Tinggi*

Sarirah Che Ros

## **Education**

*Combating Plagiarism in the Classroom*

Wong Soon Heng  
Ho Chui Chui

*Development of New Curriculum for Bachelor's Degree in Sustainable Design*

Shahriman Zainal Abidin  
Muhammad Fauzi Zainuddin  
Hasnul Azwan Azizan

*Revisiting Thinking Curriculum*

Bawani Selvaraj

*Hubungan antara Tahap Komitmen Guru Terhadap Organisasi dan Gaya Kepimpinan Guru Besar*

Law Kuan Poh  
Law Kuan Kheng

## **Others**

*Design Through Research: Handpicking Tools  
Case Study as Facilitator to Collaborative  
Product Development*

*Azmir Mamat Nawi  
Wan Zaiyana Mohd Yusof*

---


*Barisan Nasional di Ruang Maya: Isu-isu  
Berbangkit di Facebook Menjelang Pilihanraya  
Umum ke - 13*

*Badrul Azmier Mohamed@ Bakar  
Azni Syafena Andin Salamat  
Mujibu Abd. Muis  
Mahazril 'Aini Yaacob  
Nur Zaffa Kamaruzaman  
Zaliha Hj. Hussin*

---

*Ibn Al-Athir Al-Jazari dan Sumbangannya  
dalam Ilmu Gharib Al-Hadith*

*Siti Aisyah Yusof  
Muhammad Saiful Islami Mohd  
Taher*



# ACADEMIC SERIES COMMITTEE UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KEDAH

## Editor-in-Chief

Noor Zahirah Mohd Sidek (Dr.)  
Aishah Musa

## Advisory Board

Aishah Musa	Suhardi Wan Mansor
Dahlia Ibrahim	Syakirah Mohamed
Daing Maruak Sadek	Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady
Junaida Ismail	Prof. Madya Wan Faizah Wan Abdullah
Mahadir Ladisma	Prof. Madya Wan Zulkipli Wan Salleh
Mohd Rizaimy Shaharudin	Wong Soon Heng
Nizar Nazrin	Zanariah Idrus
Sarirah Che Ros	<b>Graphic</b>
	Asrol Hasan

## Special Tasks

Aishah Musa	Sharina Saad
Bawani Selvaraj	Siti Ajar Ikhsan (USM)
Ho Chui Chui	Suzana Muhammad (Dr., USM)
Nurazila Abdul Aziz	Syazliyati Ibrahim
Rita Maria Dourado	

## Review Board

Abdul Ghani Abdullah (Assoc. Prof. Dr.) Universiti Sains Malaysia	Mohd. Asmadi Yakob (Dr.) Universiti Teknologi MARA
Ahmad Azman Mokhtar (Dr.) Universiti Teknologi MARA	Norzaidi Mohd Daud (Assoc. Prof. Dr.) Universiti Teknologi MARA
Anita Abdul Rahim (Dr.) Universiti Kebangsaan Malaysia	Shahriman Zainal Abidin (Dr.) Universiti Teknologi MARA
Che Thalbi Md. Ismail (Dr.) Universiti Utara Malaysia	Shahrina Md. Nordin (Assoc. Prof. Dr.) Universiti Teknologi Petronas
Ferry Jie (Dr.) Royal Melbourne Institute of Technology, Australia	Sivamurugan Pandian (Assoc. Prof. Dr.) Universiti Sains Malaysia
Jamaludin Akbar (Dr.) Universiti Teknologi MARA	Siti Suhaily Surip Universiti Sains Malaysia
Mahazir Ismail (Dr.) Universiti Teknologi MARA	Zarina Mustafa (Dr.) Universiti Sains Malaysia

---

Copyright © 2011 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© *Voice of Academia* is jointly published by the Universiti Teknologi MARA, Kedah and Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

<b>CONTENTS</b>	<b>PAGE</b>
<hr/>	
<b><i>Economics, Business &amp; Finance</i></b>	
Warranty and its Effect towards Customer Satisfaction in Malaysia's Electronic Industry	1
Stock Market Volatility and Exchange Rate Regime in Malaysia : A Preliminary Analysis	17
Product Quality Dimension Ranking: The Preference of National Motorcycle Brand Customers	31
Exploring Young Consumers' Purchase Intention towards Foreign Brands	39
Penyesuaian Semula Repatriat untuk Kembali Bekerja di Tanah Air	57
<hr/>	
<b><i>Law</i></b>	
The position of a Child Offender under the Laws of Preventive Detention in Malaysia	83
Surrogate Mother Makes Money by Making Baby: Do We Need a Clear Law on this?	95
Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah Kanak-kanak di Mahkamah Tinggi	109
<hr/>	
<b><i>Education</i></b>	
Combating Plagiarism in the Classroom	125
Development of New Curriculum for Bachelor's Degree in Sustainable Design	135
Revisiting Thinking Curriculum	153
Hubungan antara Tahap Komitmen Guru Terhadap Organisasi dan Gaya Kepimpinan Guru Besar	161
<hr/>	
<b><i>Others</i></b>	
Design Through Research: Handpicking Tools Case Study as Facilitator to Collaborative Product Development	181
Barisan Nasional di Ruang Maya: Isu-isu Berbangkit di Facebook Menjelang Pilihanraya Umum ke - 13	191
Ibn Al-Athir Al-Jazari dan Sumbangannya dalam Ilmu Gharib Al-Hadith	205

A series of overlapping, wavy lines in shades of gray and white, creating a sense of motion and depth, positioned behind the main title.

# Voice of Academia

*Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah*

A stylized, grayscale illustration of a modern university building with a grid-like facade, a flag on a pole, and architectural details, positioned in the bottom right corner of the page.



Voice of  
**Academia**

*Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah*



# Barisan Nasional Di Ruang Maya: Isu-Isu Berbangkit Di Facebook Menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13

## **Badrul Azmier Mohamed @ Bakar (Corresponding Author)**

Faculty of Administrative Science & Policy Studies, Universiti Teknologi MARA Kedah,  
Peti Surat 187, 08400 Merbok, Kedah  
Tel: +6044562485 E-mail: badmohamed@kedah.uitm.edu.my

## **Azni Syafena Andin Salamat**

Faculty of Administrative Science & Policy Studies, Universiti Teknologi MARA Kedah,  
Peti Surat 187, 08400 Merbok, Kedah  
Tel: +6044562513 E-mail: azni\_syafena@kedah.uitm.edu.my

## **Mujibu Abd Muis**

Faculty of Administrative Science & Policy Studies, Universiti Teknologi MARA Terengganu,  
23000 Dungun, Terengganu  
Tel: +6098403869 E-mail: mujibu@tganu.uitm.edu.my

## **Adnan Aminuddin**

Faculty of Administrative Science & Policy Studies, Universiti Teknologi MARA Kedah,  
Peti Surat 187, 08400 Merbok, Kedah  
Tel: +6044562157 E-mail: adnan708@kedah.uitm.edu.my

## **Mahazril 'Aini Yaacob**

Faculty of Administrative Science & Policy Studies, Universiti Teknologi MARA Kedah,  
Peti Surat 187, 08400 Merbok, Kedah  
Tel: +6044562170 E-mail: mahazril@kedah.uitm.edu.my

## **Nur Zafifa Kamarunzaman**

Faculty of Administrative Science & Policy Studies, Universiti Teknologi MARA Kedah,  
Peti Surat 187, 08400 Merbok, Kedah  
Tel: +6044562388 E-mail: nurzafifa@kedah.uitm.edu.my

## ABSTRAK

*Laman sosial Facebook kini menjadi fenomena sejagat yang mempengaruhi kehidupan manusia. Penggunaannya yang meluas, tuntas dan pantas menjadikan ruang ini umpama satu medium untuk merevolusikan cara maklumat disebarkan. Kewujudan Facebook pada asalnya digunakan bagi tujuan sosial kini telah menjangkau fungsi asasnya. Penggunaannya bukan hanya menjadi ruang untuk berniaga malah turut berperanan sebagai platform untuk berpolitik. Jika keputusan Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12) yang tidak mengejutkan itu didakwa kerana peranan blog, maka*



*Pilihan Raya Umum ke-13 mungkin bakal menyaksikan kuasa baru di ruang maya iaitu Facebook dalam menentukan jatuh bangun sesebuah parti dalam persaingan politik di Malaysia. Penubuhan beberapa laman di facebook yang secara terbuka membantah langkah yang diambil oleh parti pemerintah menjelaskan peningkatan peranan politik yang dimainkan oleh laman sosial '1M Malaysians Reject 100-Storey Mega Tower'. Laman ini merupakan sebuah laman terkini yang menjadi perbualan bukan hanya di ruang maya, malah juga di ruang nyata. Apa yang menarik, laman tersebut telah mencatat sejarah apabila sebuah 'demonstrasi' telah dilakukan oleh lebih 100,000 rakyat Malaysia di ruang maya. Justeru, penulisan ini memberi kesempatan untuk meninjau secara sepintas lalu isu-isu yang dibangkitkan di ruang maya yang mungkin berbeza dari ruang sebenar.*

**Katakunci:** Barisan Nasional, Facebook, Penyertaan Politik, Politik Malaysia, Ruang Maya.

## 1.0 Pengenalan

Selama lebih setengah abad dan telah 12 pilihanraya umum (PRU) dilalui oleh Barisan Nasional, kedudukannya sebagai parti pemerintah terus kukuh meskipun wujud pelbagai cabaran. Lanskap politik Malaysia hari ini sangat berbeza berbanding dahulu. Begitu juga Barisan Nasional yang ada pada hari ini adalah entiti yang berbeza. Internet dikenalpasti memainkan peranan besar dalam segenap aspek kehidupan manusia termasuklah dalam politik Malaysia. Waima, internet juga telah berjaya membentuk lanskap politik Malaysia pada masa kini, seperti mana yang dilihat oleh penganalisis politik berkenaan keputusan PRU-12 yang telah berlangsung pada Mac 2008. Sejak itu peranan Internet telah diakui ramai sangat penting dalam mempengaruhi fikiran dan justeru tindakan pengundi. Dalam lain perkataan, jika ingin menang pilihanraya, ruang maya perlu diterokai dan kemudiannya dikuasai oleh sesebuah parti. Keputusan PRU-12 adalah suatu kejutan kepada Barisan Nasional. PRU-12 seolah-olah telah menamatkan hegemoni Barisan Nasional yang selama ini tidak pernah dinafikan kemenangan 2/3 di peringkat persekutuan (kecuali pada PRU 1969). Prestasi terbaik kerjasama parti-parti pembangkang atau Pakatan Rakyat telah berjaya membentuk kerajaan di 5 buah negeri serta menafikan majoriti 2/3 Barisan Nasional. Pembangunan yang dijayakan oleh Barisan Nasional selama 50 tahun termasuklah dengan memajukan infrastruktur komunikasi

dan teknologi maklumat (ICT) telah menjadi senjata makan tuan. Di sekitar permulaan alaf baru, internet hanya dapat dilayari menggunakan komputer meja yang besar dan berat, ataupun komputer riba yang walaupun boleh dibawa ke mana-mana namun masih berat dan agak menyusahkan. Namun menjelang akhir dekad pertama di abad 21, internet menjadi sangat mudah dilayari sehingga boleh dilayari di telefon bimbit. Perkembangan teknologi maklumat ini dikenalpasti oleh ramai sarjana telah menjadi pemangkin kepada perubahan budaya politik dalam masyarakat.

Barisan Nasional sebagai parti pemerintah walaupun didakwa mengamalkan pengawalan yang kuat ke atas masyarakat terutama menerusi media sejak awal pemerintahan selepas merdeka, tetapi sangat mesra pembangunan (Badrul, 2008). Malah, kerajaan Malaysia menepati segala kriteria 'Negara Pembangunan' yang aktif dalam ekonomi (Sity, 2004). Konsep 'Negara Pembangunan' amalan Barisan Nasional terbukti bukan hanya berjaya mengubah Malaysia dengan kewujudan infrastruktur fizikal yang menghampiri taraf negara-negara Dunia Pertama, tetapi mendorong kepada pembangunan sektor ICT. Implementasi projek seperti Multi-media Super Corridor (MSC) dan pembangunan bandar Cyberjaya sewaktu pentadbiran mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad adalah antara contoh. Bajet 2011 oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Razak telah mengisytiharkan pengecualian cukai bagi telefon bimbit pula terus menunjukkan komitmen tinggi Barisan Nasional bagi memajukan sektor tersebut dari mengekangnya, walaupun ia disedari telahpun mewujudkan sebuah media baru yang menjadi alternatif kepada rakyat Malaysia. Malah memang disedari bahawa media baru ini adalah pemangkin kepada penerimaan politik baru oleh rakyat Malaysia yang terbukti hampir menggugat hegemoni Barisan Nasional dalam politik Malaysia yang dibuktikan oleh tsunami politik pada PRU-12, 8 Mac 2008. Menjelang PRU-12, blog memainkan peranan besar dalam mengemukakan penentangan terhadap Barisan Nasional. Blog menjadi wadah penyampai, berkongsi dan mendapatkan maklumat. Ciri-ciri yang ada pada blog dan blogger menyebabkan internet dikenalpasti sebagai media alternatif kepada rakyat Malaysia. Malah, muncul istilah politik baru yang kelihatan menggugat cara lama dalam berpolitik. Apa yang menarik, internet secara am dan blog secara khusus dikatakan berperanan besar dalam mencirikan politik baru. Justeru, internet dilabelkan sebagai media baru yang didakwa antara elemen asas terpenting politik baru. Kebanyakan sarjana yang mendokong pendirian itu, mengemukakan keputusan PRU-12 sebagai data empirikal bagi menyokong

kenyataan tersebut.

Sekali air bah sekali pantai berubah, begitulah perubahan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat dan tidak terkecuali masyarakat Malaysia. Blog masih popular, namun ia disaingi oleh populariti laman sosial di Internet terutama Facebook. Kajian terkini oleh TNS Global Market Research mendapati rakyat Malaysia adalah pengguna Facebook paling popular di dunia (RedOrbit News, 2010). Malah, rakyat Malaysia juga adalah pengguna laman sosial yang paling kerap. Kini laman sosial seperti Facebook bukan lagi hanya menjadi ruang untuk bersosial, malah ia didapati penuh dengan elemen politik.

### **1.1 Latar Belakang**

Keputusan PRU-12 pada Mac 2008 telah dijadikan bukti empirikal oleh ramai sarjana bahawa politik di ruang maya dikuasai oleh pakatan parti-parti pembangkang atau penentang parti pemerintah. Hal ini berikutan analisis pola kemenangan parti-parti pembangkang yang tertumpu di kawasan bandar dan saluran peti undi pengundi muda. Ia selari dengan sifat komuniti di ruang maya di Malaysia yang dipelopori oleh penduduk bandar, berpendidikan, berada di kelas menengah dan muda. Oleh yang demikian, pendirian tentang banyak isu politik dan “mood” rakyat dapat diperhatikan menerusi ruang maya. Malah, ramalan politik seperti siapa yang akan menang dalam pilihanraya dapat ditentukan menerusi pemerhatian ke atas ruang maya. Senario ini seolah-olah menunjukkan apa sahaja yang berlaku di ruang maya bakal diterjemahkan menjadi realiti.

Sebaik sahaja selepas pembentangan Bajet 2011 pada 15 Oktober 2011 oleh Najib, muncul halaman ‘1M Malaysians Reject 100-storey Mega Tower’. Ia adalah protes sebahagian rakyat Malaysia terhadap cadangan pembinaan menara 100 tingkat (Menara Warisan) oleh pihak parti pemerintah. Halaman ini mencipta sejarah kerana ia adalah menjadi alternatif kepada demonstrasi jalanan. Dua minggu selepas kewujudan laman tersebut, ia beroleh populariti yang sangat hebat di mana lebih dari sepuluh pengguna Facebook menekan butang “suka” dalam setiap 10 saat bagi menyatakan mesej penentangan. Tidak sekadar itu, pelbagai pandangan dan tidak kurang juga cemuhan terhadap parti pemerintah dan pemimpin-pemimpin parti pemerintah dibincangkan di ruangan komen. Ia bagaikan satu punggutan suara yang interaktif. Menjelang Disember 2010, ia telah pun

mengumpul lebih dari 260 ribu peserta demonstrasi atas talian. Tetapi keputusan dua pilihanraya kecil di Sabah dan Kelantan pada 4 November 2011 yang masing-masing memihak kepada Barisan Nasional seakan boleh dijadikan bukti empirikal bahawa ruang maya bukan lagi satu terjemahan untuk alam realiti. Malahan, ruang maya yang didakwa lebih berpihak kepada pakatan parti pembangkang dan didominasi oleh pengkritik dan penentang parti pemerintah, kelihatan terkawal semenjak peralihan kepimpinan dari Abdullah Badawi kepada Perdana Menteri Najib Razak. Selain dari itu, didapati ramai blogger yang dahulunya lantang mengkritik parti pemerintah kini sama ada lebih 'berlapik' dalam mengkritik, menonjolkan tulisan yang tidak berpihak, atau pun benar-benar berpihak kepada Barisan Nasional dan lantang mengkritik Pakatan Rakyat. Justeru, muncul anggapan bahawa walaupun di suatu sudut di ruang maya wujud gerakan menentang parti pemerintah tetapi tidak kurang juga yang menyokong. Begitu juga anggapan bahawa penentangan di ruang maya tidak bermakna parti pemerintah tidak disokong. Akhirnya, ruang maya hanyalah tempat luahan perasaan berikutan sifatnya yang anarki.

Facebook kini dilihat telah menjadi begitu penting di ruang maya. Ia seakan menjadi pusat sehenti bagi ruang maya. Ciri-ciri facebook bukan hanya interaktif malahan ia berperanan menghubungkan pelbagai jenis laman di Internet seperti Blog, YouTube, Twitter dan pelbagai lagi. Hasilnya, ia mempermudah dan mempercepatkan perkongsian maklumat dan perkongsian pandangan. Capaian Internet secara umum dan Facebook secara khususnya yang boleh dilakukan melalui telefon bimbit yang semakin hebat teknologinya, telah mengubah cara maklumat disalurkan dan dikongsi.

Justeru, kajian mengenai ruang maya menerusi Facebook yang kini menjadi fenomena penting di Malaysia. Artikel ini meninjau apakah isu-isu utama yang dibangkitkan oleh pengguna Facebook di Malaysia dengan merujuk kepada laman '1M Malaysians Reject 100-storey Mega Tower' untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Hal ini berikutan sambutan terhadap laman tersebut, selain kebanyakan dari mereka yang memuatkan komen mendakwa diri mereka 'tidak berparti'. Dalam erti kata lain mereka berkemungkinan besar adalah pengundi-pengundi 'atas pagar'. Sebagaimana yang diketahui umum, pengundi-pengundi atas pagar adalah golongan yang mempunyai kuasa penentu menang-kalah sesuatu parti politik di Malaysia. Oleh yang demikian, laman ini menjadi medium untuk

penyelidik mengenalpasti sikap atau ‘mood’ para pengundi atas pagar menjelang PRU-13.

## **1.2 Ruang Maya, Facebook dan Politik**

Kajian lepas berkenaan Facebook dan politik Malaysia masih belum ditemui. Yang ada adalah kajian secara umum berkenaan peranan ruang maya dalam politik Malaysia. Kajian oleh Saliha Hassan (2004) menunjukkan pengaruh isu semasa di ruang sebenar mempengaruhi peranan ruang maya dalam politik Malaysia. Bersandarkan keputusan dua pilihan raya umum, iaitu pada 1999 dan 2004, jelas isu semasa seperti ekonomi, reformasi dan pemerintahan lama Dr Mahathir Mohamad menjadi pendorong peranan ruang maya pada 1994. Walhal, pada 2004 dengan pemulihan ekonomi, reformasi yang kelihatan ‘basi’ dan Abdullah Badawi menjadi pengganti Dr Mahathir Mohamad, maka ruang maya kurang memainkan peranan. Pendirian politik di ruang maya dipercayai dipengaruhi oleh isu-isu semasa. Sementara itu, Tan (2010) menegaskan bagaimana gerakan reformasi yang menjadi teras kepada perkembangan dan kejayaan parti-parti pembangkang di Malaysia pada hari ini adalah bertitik tolak daripada kemajuan maya dan perkembangan ruang maya.

Kajian berkenaan Facebook dan politik atau disebut oleh Jeff Gullati (dalam Westling 2007) sebagai ‘politik Facebook’ lebih di negara-negara lain terutamanya di Amerika Syarikat di mana fenomena Facebook itu bermula. Westling (2007) mengenalpasti bahawa ciri-ciri yang ada laman sosial ini menyebabkan ia menjadi alat yang baik bagi menyampaikan, menggerak dan membentuk sokongan politik. Westling (2007) seterusnya menegaskan bagaimana kemampuan Facebook menghubungkan lain-lain jenis laman di ruang maya menyebabkan ia muncul sebagai alat politik yang sangat berkesan dan cekap. Williams dan Gullati (2007) pula telah melakukan penilaian empirikal berkenaan perkembangan Facebook sebagai alat politik yang penting sewaktu pilihan raya Kongres 2008. Williams dan Gullati (2007) mendapati kebanyakan calon dari parti Demokrat lebih hebat menggunakan Facebook berbanding Republican. Intipati dari kajian Williams dan Gullati (2007) ini ialah Facebook memudahkan lagi kempen dijalankan dan mesej kempen dapat sampai kepada pengundi-pengundi muda dan juga yang lebih baik tahap pendidikannya. Manakala Bode (2008) mengemukakan kajian berkenaan ramalan penyertaan politik seseorang individu dengan aktiviti-aktiviti berbentuk politik di Facebook.

Sekali lagi, ia memaparkan kemantapan Facebook sebagai alat politik yang berkesan.

Oleh yang demikian, kajian ke atas Facebook di Malaysia dilihat kian relevan. Dapatan hasil dari sebarang kajian di Facebook boleh dijadikan kayu ukur sejauh mana sokongan malahan boleh juga digunakan untuk meramal sebarang keputusan pilihan raya. Dalam konteks penulisan ini pula, laman di Facebook digunakan bagi mengenalpasti keluhan utama serta apakah bentuk tuntutan atau desakan yang dimahukan oleh pengundi dan rakyat.

### 1.3 ISU-ISU UTAMA

Sepintas lalu, laman di Facebook ini digunakan bagi tujuan ekspresi diri berkenaan pentadbiran oleh parti pemerintah. Masing-masing menunjukkan ketidakpuasan hati menerusi ruang komen. Bagi kebanyakan mereka, Menara Warisan ialah lambang pembaziran yang mana lebih banyak perkara yang sepatutnya didahulukan dan diutamakan. Berikut adalah isu-isu paling popular di laman tersebut.

#### 1.3.1 *'Hadiah dari PM untuk 2011: Semua Naik Kecuali Gaji'*

Kenaikan harga barang menjadi salah satu isu utama yang diketengahkan. Terutamanya kenaikan harga barang-barang keperluan dapur seperti sayuran, minyak masak, gula dan banyak lagi. Selain itu, kenaikan harga petrol jenis RON95 menambahkan lagi ketidakpuasan hati rakyat. Di media arus perdana, rungutan tentang desakan hidup rakyat akibat inflasi tidak dipaparkan. Keadaan semasa nampak elok, tidak mendesak, dan kelihatan ekonomi Malaysia akan menjadi lebih baik. Isu-isu yang dipaparkan seolah-olah cuba mengalihkan pandangan rakyat tentang realiti yang dihadapi rakyat biasa. Justeru, laman protes '1M Malaysians Reject 100-storey Mega Tower' menjadi ruang pilihan untuk masing-masing meluahkan rasa, berkongsi kemaslahatan, dan berkongsi maklumat.

Rakyat mengharapkan agar pemerintah lebih berjimat cermat dalam perbelanjaan. Mereka mengharapkan agar ia dapat dilaksanakan bermula dari atas. Dalam lain perkataan sikap berjimat cermat harus dilakukan oleh pemerintah dalam segenap segi. Malah dalam nada yang lebih mendesak ada kalangan mereka yang mencadangkan supaya potongan gaji

perdana menteri dan menteri-menteri dilaksanakan. Hal ini mengambil contoh beberapa negara luar antara Ireland dan Sepanyol yang mana potongan gaji perdana menteri sebanyak 20% dan menteri-menteri sebanyak 15% dilaksanakan sebagai langkah berjimat-cermat oleh pemerintah. Maklumat ini diperolehi oleh pengelola laman web dari [www.irishtimes.com](http://www.irishtimes.com) dan [www.spanishvida.com](http://www.spanishvida.com). Ini adalah contoh ciri Facebook yang dengan mudah mengepilkan fail dari sebarang laman di Internet. Ia merevolusikan proses perkongsian maklumat. Ia menyebabkan para pengguna Facebook gemar membanding-bandingkan apa yang berlaku di Malaysia dengan negara-negara lain.

### ***1.3.2 ‘Menara Makin Nak Ditinggikan, Pusat Bandaraya Jadi Keutamaan’***

Pembangunan infrastruktur yang masih tertumpu di kawasan bandar. Jurang bandar dan luar bandar yang masih luas dari segenap segi. Pengumuman oleh Perdana Menteri Najib Razak tentang pembangunan infrastruktur ‘Greater KL’ yang antaranya mewujudkan perkhidmatan mass rapid transit di Lembah Kelang. Ia menunjukkan kekesalan rakyat yang merasakan jurang bandar dan luar bandar perlu dirapatkan. Banyak komen yang kesal dengan jurang yang semakin melebar.

Selain dari itu, kelihatan pengguna-pengguna Facebook ini berada di arus deras informasi dan budaya. Mereka sudah jauh ke hadapan. Maka wujud persepsi bahawa zaman ‘mega projek’ sudah lama berlalu. Pada pandangan mereka, zaman sekarang bukan lagi zaman untuk membina yang ‘terbesar’, yang ‘tertinggi’, atau yang ‘terpanjang’. Masa untuk itu sudah berlalu. Rakyat tidak lagi bangga dengan perkara-perkara sebegini. Ia bukan lagi tren masa kini yang sepatutnya lebih menumpukan kepada pelaburan modal insan.

### ***1.3.3 Pembaziran Penggunaan Wang Rakyat***

Selain daripada Menara Warisan yang dilihat sebagai simbol pembaziran, projek seperti Istana Negara yang baru, pengubahsuaian kediaman rasmi Perdana Menteri iaitu Seri Perdana adalah antara contoh lain yang disebut sebagai pembaziran. Pada mereka, projek-projek tersebut bukan satu keperluan di kala negara didakwa pemerintah tidak berduit. Masing-masing mahukan pelaburan terhadap infrastruktur, pendidikan, dan perumahan kos

rendah.

Pengundi atau rakyat Malaysia yang ada pada hari ini adalah begitu berbeza. Mereka tidak seperti sepuluh atau dua puluh tahun yang lalu. Kemajuan teknologi maklumat telah mengubah segala-galanya termasuklah persepsi mereka kepada pemerintah. Pada hari ini rakyat begitu kritikal, mereka memerhati setiap gerak laku dan perbuatan pemerintah sehinggalah ke sudut paling peribadi. Justeru, imej mewah dan megah oleh pemerintah boleh membawa kemarahan rakyat. Misalannya sikap, cara mengeluarkan kenyataan, cara berpakaian, material pakaian, kekerapan ke luar negara adalah antara contoh perkara yang boleh memburukkan imej pemerintah. Hal ini berikutan perubahan persepsi di mana pemerintah bukan lagi dilihat hanya sebagai 'pemimpin', tetapi pemerintah pada hari ini dilihat sebagai 'pengurus harta rakyat'. Ia seperti keadaan sebuah syarikat. Pemerintah adalah pihak pengurusan manakala rakyat ialah pemegang saham. Jika pihak pengurusan gagal mentadbir dengan baik, maka pemegang saham bukan hanya berhak bersuara, malah juga berhak menggantikan dengan pengurusan baru yang dirasakan sesuai dan layak.

### ***1.3.4 Pemerintah Tidak Berperanan Dalam Mengawal Harga Barang***

Adalah menjadi pengetahuan umum, sebagai sebuah negara pembangunan (Sity Daud, 2004), pemerintah berperanan sangat besar dalam ekonomi. Ekonomi bergantung kepada pemerintah. Misalannya pertumbuhan ekonomi amat bergantung kepada inisiatif pemerintah. Kerana itu wujud persepsi jika tidak ada projek maka tidak ada limpahan ekonomi. Justeru, harapan kepada pemerintah untuk berfungsi dalam segenap ruang ekonomi adalah tinggi. Oleh yang demikian, didapati para pengguna Facebook boleh merasa terhina daya intelektualnya apabila dihadapkan dengan sebarang kenyataan yang mereka rasakan dangkal. Berikut adalah beberapa contoh; "masih rendah dibandingkan dengan negara jiran", "jangan naikkan harga barang", "harga barang masih terkawal", "jangan panik", dan "masih di bawah paras harga siling"

### ***1.3.5 'Pemerintah Pusat Membuli Pemerintah Negeri'***

Hal ini sangat berkaitan dengan politik kepartian iaitu persaingan antara parti pemerintah dan parti pembangkang. Hasil PRU-12, lima buah negeri diperintah oleh parti pembangkang. Oleh yang demikian ia menghasilkan



hubungan seperti yang disebutkan. Sistem Malaysia adalah sebuah negara ‘persekutuan terpusat/centralized federation’. Dalam lain perkataan ia membawa maksud kuasa pemerintah pusat sentiasa membayangi pemerintah negeri. Sejak 2008 sehingga kini, dari Perak ke Selangor, apa yang berlaku diperhatikan rakyat, walaupun mereka ini mendakwa mereka di atas pagar. Golongan ini wujud di Facebook, berpendidikan, hidup selesa, dan yang penting mereka celik politik walaupun masing-masing tidak menyertai mana-mana parti politik.

Celik politik bermakna mereka faham apa itu politik; mereka faham apa itu demokrasi; mereka faham makna etika; mereka tahu apa itu federalisme; mereka tahu makna persaingan politik; mereka juga faham kepentingan tadbir urus yang baik dan mereka boleh menganalisis hubungan politik dengan pentadbiran awam. Hal ini banyak memerangkap pemerintah, kelihatan parti pemerintah masih dibelenggu dengan mitos ‘politik pembangunan’. Kepercayaan kukuh kepada politik pembangunan menyebabkan pemerintah merasakan hal-hal yang berkaitan dengan tadbir urus, serta hubungan antara politik dan pentadbiran kurang ditumpukan oleh rakyat terbanyak. Pada pemikiran pemerintah, jika ekonomi bagus, rakyat tidak akan menghiraukan isu-isu yang berkaitan dan jika wujud isu sebegini, ia dengan mudah ditepis dengan menggunakan media arus perdana.

Namun, ia tidak semudah yang disangka kerana ruang maya yang ‘anarki’ membolehkan rakyat bertukar maklumat dan pandangan. Di ruang maya, secara khususnya di Facebook terutama di laman ‘1M Malaysians Reject 100-storey Mega Tower’, imej parti pemerintah sebagai pembuli sudah terpahat dan nampak ‘kekal’ di situ. Era Mahathir Mohamad, iaitu era ‘pemerintah yang kuat’ sudah berlalu. Pada zaman itu, pemerintah yang kuat dilengkapi dengan ekonomi yang stabil. Tetapi pada waktu ekonomi yang kurang selesa, imej sebagai pemerintah kuat nampaknya boleh memberikan impak yang negatif kepada pemerintah. Justeru di ruang maya simpati nampaknya lebih diberikan kepada pembangkang berbanding pemerintah.

#### **1.4 Analisis**

Kini sudah wujud persepsi negatif yang kukuh di ruang maya berkenaan sebarang pengumuman projek oleh pemerintah. Mereka tidak menafikan manfaat yang bakal diperolehi rakyat terbanyak, tetapi dalam masa yang

sama mereka percaya manfaat yang bakal diperolehi oleh segelintir pihak yang rapat dengan parti pemerintah adalah jauh lebih banyak dan besar. Mereka juga percaya projek tersebut dibiayai secara pinjaman, justeru di hujung hari, bebanan pembayaran akan dipikul oleh pembayar cukai. Inilah kebimbangan mereka. Pembinaan menara 100 tingkat itu bukanlah isu sebenar yang diketengahkan. Ia hanyalah penyebab untuk sekelompok rakyat Malaysia berhimpun di situ dan menyuarakan ketidakpuasan hati mereka. Isu yang dibincangkan lebih kepada tadbir-urus yang baik di mana dana kerajaan yang pada mereka adalah dana rakyat perlu diuruskan dengan berhemah.

Rakyat juga nampaknya faham tentang peranan pemerintah yang besar dalam ekonomi iaitu pemerintah melalui sektor awam dan syarikat berkaitan kerajaan yang menggerakkan ekonomi. Jika di era kepimpinan mantan Perdana Menteri Mahathir Mohamad, pengumuman sebarang projek apatahlagi jika ia berskala besar, ia disambut baik kerana kepercayaan ada limpahan kemakmuran ekonomi di situ. Tetapi pada hari ini, sebarang pengumuman mengenainya dipandang sinis. Namun, pemerintah seakan percaya dan masih yakin bahawa pengumuman tentang pelbagai projek boleh meyakinkan rakyat terbanyak bahawa keadaan ekonomi semakin baik. Kesangsian yang wujud dan kebimbangan mereka berkenaan penggunaan wang rakyat untuk sebarang projek menunjukkan keprihatinan dan tuntutan mereka kepada tadbir urus yang baik. Ia juga menunjukkan tahap kesedaran, pendedahan, pendidikan dan intelektual rakyat Malaysia yang semakin tinggi.

Walaupun kebanyakan pengguna facebook di laman '1M Malaysians Reject 100-storey Mega Tower mendakwa diri masing-masing adalah tidak berparti dan tidak memihak kepada mana ideologi kepartian, namun dapat dikesani kecenderungan mereka. Wujud juga yang terang-terangan tidak langsung berpihak kepada parti pemerintah dan menyatakan bakal mengundi parti lawan.

Di sebalik penentangan terhadap parti pemerintah yang mengemukakan gagasan 1Malaysia, para pengguna facebook ini nampaknya ramai yang kelihatan telah pun berjiwa 1Malaysia yang masing-masing seolah-olah telah mengetepikan semangat perkauman. Hasrat mereka serta cadangan-cadangan mereka menjurus lebih kepada pembelaan golongan yang terpinggir tanpa mengira kaum dan lokasi. Dalam erti kata lain,

mereka tidak mementingkan diri atau kaum sendiri. Dalam pada itu, seolah-olah wujud budaya demokrasi yang berlandaskan kepada “bersetuju untuk tidak bersetuju” di kalangan pengguna dan penyelenggara laman tersebut yang tidak memadam sebarang komen yang bertentangan atau menghalang pengguna yang nampak provokatif selagi masih menjaga tatacara bahasanya.

## 1.5 Kesimpulan

Secara sepintas lalu, isu teras adalah kemaslahatan hidup rakyat yang semakin terhimpit kerana suasana ekonomi yang sebenarnya bukan seratus peratus boleh dikawal oleh pemerintah. Hakikatnya, Malaysia sebagai sebuah ekonomi berasaskan eksport sentiasa terdedah kepada suasana ekonomi dunia yang semakin saling bergantung antara satu dengan yang lain. Maka, komuniti di ruang maya atau secara khususnya mendesak pemerintah untuk mengamalkan tadbir urus yang baik selain pendemokrasian yang dipercayai mampu mengubah keadaan kepada tahap yang lebih baik.

Prospek Barisan Nasional menjelang PRU-13 masih kukuh walaupun di ruang maya ia nampak goyah. Penelitian menerusi komen-komen yang dibuat seperti pilihan bahasa, terminologi yang digunakan, kandungan mesej dan isu yang dikemukakan. Maka bolehlah dinyatakan bahawa para pengguna Facebook di laman ‘1M Malaysians Reject 100-storey Mega Tower kebanyakannya adalah penduduk bandar, muda, berbahasa Inggeris, berpendidikan tinggi, dan mempunyai capaian mudah ke Internet. Mereka adalah kelompok minoriti di Malaysia. Mesej, aspirasi dan hasrat mereka mungkin tidak dapat dicapai di luar bandar di mana majoriti pengundi adalah penyokong parti pemerintah. Selain daripada itu, artikel ini hanya menumpukan kepada satu laman di facebook sahaja yang jelas aspirasinya membantah salah satu dari banyak usaha pembangunan oleh parti pemerintah. Walhal, masih banyak lagi laman-laman di Facebook yang menyokong parti pemerintah. Oleh yang demikian, kajian lebih mendalam mengenai Facebook dan politik akan diteruskan di Malaysia terutama menjelang PRU-13.

Kemampuan mewujudkan iklim ekonomi yang bagus oleh parti pemerintah serta meningkatkan keyakinan rakyat tentang betapa seriusnya usaha transformasi yang membawa kepada tadbir urus yang baik adalah dua

perkara asas yang sangat penting. Sekiranya ia berjaya dilakukan menjelang PRU-13, maka Barisan Nasional bukan sahaja akan terus kekal sebagai parti pemerintah, malahan juga menikmati kembali kemanisan kemenangan dua pertiga. Menjelang PRU-13, apa yang perlu dilakukan oleh Barisan Nasional ialah kekuatan dipertingkatkan dan kelemahan diperbetulkan.

## Rujukan

- Badrul Mohamed.(2008). Lima puluh satu tahun dominasi Barisan Nasional dalam politik Malaysia: Suatu analisis. *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Lanskap Politik Malaysia Pasca Pilihanraya ke-12*, hlm. 789-802. Universiti Teknologi MARA Sabah: UPENA.
- Bode,L.(2008). Don't judge a Facebook by its cover: social networking sites, social capital and political participation. (atas talian)  
<http://users.polisci.wisc.edu/behavior/Papers/Bode2008.pdf>  
(5 Januari 2011).
- Malaysians most popular, most frequent social networks users. (2010). RedOrbits News. (atas talian)  
<http://www.redorbit.com/news/technology/1941050/malaysians-most-popular-most-frequent-social-network-users/index.html> (12 November 2011).
- Saliha Hassan.(2004). Internet & political websites in the 1999 and 2004 Malaysia's general election. Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Malaysia Ke-4. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 3-5 Ogos.
- Sity Daud.(2004). Globalisasi dan negara pembangunan. *Akademika: Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan*. 27.
- Tan,L.O. (2010). *Dinamik Ruang Siber dalam Gerakan Reformasi di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Westling,M.(2007). Expanding the public sphere: The impact of Facebook on political communication. (atas talian)  
<http://www.thenewvernacular.com/projects/facebook-and-political>

communication.pdf (12 November 2011).

Williams, C. B., & Gulati, G. (2007). Social networks in political campaigns: Facebook and the 2006 midterm election. *Kertas Kerja Annual Meeting of the American Political Science Association*. Chicago, Illinois. 30 Ogos-2 September.